

BELIA

Penglibatan dan Peranan dalam Koperasi

Malesa Shela Ta'yib

malesa@mkm.edu.my

Maktab Koperasi Malaysia Zon Timur



Pengenalan

Dalam meniti arus kemajuan semasa, gerakan koperasi dilihat semakin matang dalam menempuh arus kemodenan yang kian berkembang. Koperasi juga tidak terlepas mengharungi pelbagai getir dan cabaran serta turun naik ekonomi di Malaysia. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta kejatuhan mata wang negara sedikit sebanyak memberi kesan kepada koperasi lebih-lebih lagi koperasi yang terlibat dalam industri import dan eksport dengan negara luar. Namun begitu, segala masalah ini dapat diatasi dengan bijak sekiranya Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pihak pengurusan koperasi dapat mengekalkan keuntungan dalam perniagaan koperasi. Perkembangan pesat ekonomi Malaysia kini banyak memberi peluang dan ruang kepada individu mahupun kumpulan masyarakat untuk mengembangkan perniagaan masing-masing. Dengan segala kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan, rakyat Malaysia tidak kira peringkat umur sudah mula berjinak dalam perniagaan sama ada besar atau kecil bagi menjadikan sumber pendapatan utama mahupun sampingan. Pertambahan penduduk serta lambakan graduan universiti menjadi cabaran besar buat negara dalam memastikan semua rakyat tidak kira peringkat umur tidak ketinggalan dalam mendapat manfaat daripada kerajaan.



DIMENSIKOOP

Golongan belia adalah antara golongan yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Mereka merupakan golongan pelapis kepada kepimpinan negara pada masa hadapan. Belia merupakan golongan muda lelaki dan perempuan yang terdiri daripada kumpulan umur 15 – 39 tahun dan merupakan kelompok terbesar di Malaysia kerana merangkumi hampir separuh jumlah penduduk di Malaysia. Pada tahun 2015, jumlah belia di Malaysia adalah seramai 13.88 juta yang mewakili 45.8 peratus daripada 30.26 juta penduduk di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai 7.26 juta (52%) merupakan belia lelaki dan 6.62 juta (48%) pula belia wanita (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015). Daripada peratusan tersebut, dapat dilihat bahawa belia merupakan antara aset utama negara dalam menentukan arah tuju dan kejayaan negara menjelang tahun 2020. Dalam kepesatan globalisasi kini, peranan belia sebagai penyumbang idea dan pandangan dalam setiap isu dianggap sesuatu yang penting dalam memastikan segala keputusan yang diambil relevan dan memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat.

Belia dan Koperasi

Belia adalah generasi baharu yang seharusnya diberi peluang dalam mentadbir dan mengurus koperasi. Penyertaan belia dalam gerakan koperasi hingga kini dilihat masih lagi di tahap yang kurang memberangsangkan. Kurang kefahaman berkaitan gerakan koperasi menjadi faktor utama kurangnya penglibatan belia di dalam koperasi. Koperasi biasanya dikaitkan dengan golongan veteran iaitu pesara kerajaan mahupun swasta. Ini kerana, mereka berpendapat hanya golongan yang tidak mempunyai pekerjaan sahaja yang layak untuk menganggotai serta mentadbir dan mengurus sesebuah koperasi. Hakikatnya, koperasi memerlukan tenaga-tenaga muda dengan idea-idea yang baharu supaya sentiasa relevan dengan perkembangan sosioekonomi negara.

Pelbagai usaha telah diperkenalkan dan dijalankan oleh kerajaan mahupun swasta. Antaranya ialah memperkenalkan Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) oleh Majlis Penggalak Ekonomi Belia atau MPEB. MPEB adalah sebuah pertubuhan yang diasaskan oleh kerajaan bagi menggalakkan penglibatan belia dalam pembangunan ekonomi negara sama ada secara langsung atau tidak langsung. STEB terdiri daripada dua iaitu Skim Belia Niaga (SBN) dan Skim Belia Tani (SBT). SBN berfokuskan kepada sektor perkhidmatan, pembuatan dan francais manakala SBT memfokuskan kepada sektor pengeluaran tanaman jangka pendek, ternakan haiwan, perikanan, industri asas tani dan perkhidmatan tani. Kewujudan skim-skim ini bertujuan untuk membantu para belia untuk memulakan perniagaan dengan memberikan kemudahan

pinjaman bagi membeli peralatan dan kelengkapan perniagaan, pengubahsuaian premis, modal kerja dan sebagainya.

Kerajaan memandang serius segala usaha yang dilakukan pelbagai pihak bagi menarik minat belia dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Dari segi pendidikan dan latihan pula, pelbagai institusi pendidikan dan kemahiran yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi membantu golongan belia yang tidak mendapat peluang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan iaitu menubuhkan pusat-pusat latihan yang lebih berfokus kepada kemahiran individu atau belia itu sendiri ibarat memberi peluang kedua kepada mereka. Selain pendidikan, kemahiran individu juga penting sebagai persediaan

DIMENSIKOOP

untuk mereka menceburi sektor perkilangan, pembuatan, kulinari dan kecantikan. Penubuhan institusi pendidikan dan kemahiran seperti GIATMARA, Institut Kemahiran Belia dan Negara (IKBN), Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) dan sebagainya dengan tujuan utama membantu dan mengasah kemahiran dan bakat sedia ada dalam setiap belia dengan memfokuskan kepada minat masing-masing sangat baik serta memberi impak positif kepada pembangunan belia negara. Oleh itu, segala kesungguhan serta peluang dan ruang yang disediakan oleh kerajaan mahupun swasta haruslah diambil dan diguna sebaik mungkin oleh belia di Malaysia bagi menjadi belia yang produktif. Koperasi menurut *Kamus Dewan Edisi ke-4*, membawa maksud syarikat yang dianggotai dan

Koperasi memerlukan tenaga-tanaga muda dengan idea-idea yang baharu supaya sentiasa relevan dengan perkembangan sosioekonomi negara

diuruskan oleh sekumpulan orang untuk menjalankan kegiatan ekonomi seperti perniagaan dan sebagainya dengan faedah dan keuntungannya dikongsi bersama. Jelas di sini koperasi boleh dijadikan satu *platform* kepada belia dalam membina dan mengasah bakat atau kebolehan diri dalam pengurusan dan pentadbiran. Koperasi berkait rapat dengan kepimpinan dan jati diri selain dapat memupuk minat dalam pengurusan dan perniagaan.

Jika sebelum ini wujud skim-skim bantuan daripada kerajaan khasnya untuk membantu golongan belia, namun koperasi terlebih dahulu wujud bagi menyelesaikan segala permasalahan berkaitan golongan ini. Selaras dengan tujuan penubuhannya, koperasi sangat menitikberatkan tiga elemen penting iaitu ekonomi, sosial dan budaya. Ketiga-tiga elemen ini sangat penting dalam gerakan koperasi kerana ia membezakan gerakan koperasi dengan pertubuhan-pertubuhan lain atau syarikat swasta. Oleh yang demikian, belia tidak seharusnya melepaskan peluang dan ruang yang ada dalam koperasi kerana ia adalah medium yang sesuai untuk memperbaiki sosioekonomi mereka. Penglibatan belia di dalam koperasi berdasarkan statistik am koperasi mengikut kumpulan sasar yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya

Jadual 1: Statistik Am Koperasi Mengikut Kumpulan Golongan Belia pada 30 Jun 2015

Bil	Kumpulan Sasar	Bil Koperasi (Buah)	Jumlah Anggota (Orang)	RM Juta			Bil. Koperasi Untung
				Syer/Yuran	Aset	Perolehan	
1	Ahli Sukan	10	575	0.15	0.24	0.06	1
2	Belia/RTP	200	24,914	7.87	68.11	10.27	76
3	Kolej Komuniti	53	23,128	0.54	2.93	2.08	35
4	Kolej Matrikulasi	7	3,261	0.54	3.44	4.20	4
5	Kolej-Kolej Swasta	14	1,772	0.19	0.45	0.95	9
6	Politeknik	29	100,799	2.92	21.16	9.06	25
7	Pusat Latihan	77	48,646	3.42	19.11	12.72	57
8	Pusat Latihan (Giat Mara)	6	726	0.04	0.20	0.22	4
9	Pusat Latihan (IKM)	12	7,584	1.00	5.62	4.86	11
10	Puteri	6	218	0.01	0.01	0.00	2
11	Sekolah	2,335	2,107,231	23.80	278.53	230.20	2,104
12	Siswazah	32	2,674	0.15	0.56	0.45	13
13	Universiti	75	69,685	173.31	318.60	183.16	43
14	Universiti (IPTS)	8	1,329	0.07	0.56	0.14	5
JUMLAH		2,864	2,392,542	214.01	719.52	458.37	2,389

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)



Koperasi Malaysia (SKM) pada 2015, adalah sebanyak 2,864 bilangan koperasi belia dengan keanggotaan seramai 2,392,542 orang termasuk koperasi sekolah. Jumlah ini masih lagi dianggap kecil jika dibandingkan dengan bilangan belia yang merangkumi hampir separuh penduduk di Malaysia. Melihat kepada statistik di dalam Jadual 1 juga dapat disimpulkan bahawa masih kurang penglibatan belia di dalam gerakan koperasi kerana keanggotaan dan jumlah koperasi belia yang tinggi adalah didominasi oleh koperasi sekolah yang kebanyakannya anggotanya mungkin bukan terdiri daripada had umur belia. Oleh itu, masih banyak usaha-usaha yang perlu dilakukan agensi kerajaan terutama SKM bagi menarik lebih ramai belia untuk terlibat dalam gerakan koperasi.

Faktor-faktor Kurang Penyertaan Belia dalam Gerakan Koperasi

1) Koperasi hanya untuk golongan veteran

Secara purata, keanggotaan sesebuah koperasi terdiri daripada mereka yang berumur 50 tahun ke atas dan

Penyertaan belia dalam gerakan koperasi hingga kini dilihat masih lagi di tahap yang kurang memberangsangkan. Kurang kefahaman berkaitan gerakan koperasi menjadi faktor utama kurangnya penglibatan belia di dalam koperasi.

kebanyakannya yang sudah bersara dari perkhidmatan awam dan swasta. Ini kerana, masyarakat berpendapat inilah masa yang sesuai untuk mereka melibatkan diri dalam sesebuah badan persatuan atau gerakan koperasi memandangkan mereka tidak lagi mempunyai komitmen dalam pekerjaan. Persepsi yang mengatakan koperasi hanyalah untuk golongan ini harus dikeluarkan dari dalam diri setiap golongan peringkat umur di Malaysia. Seharusnya gerakan koperasi ini harus dimulakan oleh golongan belia kerana

pada usia ini, mereka masih mempunyai tenaga dan idea-idea yang baharu. Di peringkat koperasi pula, anggota ALK perlu memberi ruang dan peluang kepada belia untuk terlibat dalam pentadbiran dan pengurusan koperasi. Ini kerana, menjadi kebiasaan jawatan ALK disandang oleh golongan yang lebih berumur dengan alasan pengalaman yang dimiliki oleh mereka. Namun begitu, koperasi perlu sedar selagi golongan belia ini tidak diberi peluang untuk memimpin koperasi masakan pengalaman itu timbul dalam diri mereka. Maka seharusnya koperasi menjadi medan untuk mereka menyuarakan pandangan dan pendapat serta mengasah bakat sebagai seorang pemimpin yang baik.

2) Kurang pengetahuan berkaitan koperasi

Kurang atau lemahnya pengetahuan berkaitan koperasi menjadi antara faktor utama kurangnya penglibatan belia di dalam koperasi. Kebanyakan belia yang menganggotai mana-mana koperasi kurang memahami

DIMENSIKOOP

apa fungsi sebenar koperasi. Hal ini kerana, ada di antara mereka yang menjadi anggota koperasi kerana dipaksa atau keanggotaan automatik. Keanggotaan koperasi seperti ini lebih kepada budaya ikut-ikut. Oleh sebab itu, mereka gagal menjadi anggota yang memberi sepenuhnya komitmen dalam koperasi seterusnya menjadi pemimpin yang berjaya. Tumpuan untuk membangunkan koperasi tidak hanya diberi kepada pembangunan perniagaan dan ekonomi koperasi tetapi perlu juga mengambil berat berkaitan pendidikan dan latihan kepada anggota koperasi. Oleh itu, penting untuk koperasi mengikuti salah satu prinsip di dalam tujuh prinsip koperasi iaitu memberi pendidikan, latihan dan maklumat kepada anggota koperasi.

3) Kurang kebergantungan kepada koperasi

Koperasi pada awal penubuhannya adalah untuk membantu golongan bawahan pada ketika itu yang ditindas oleh golongan atasan. Di Malaysia atau Tanah Melayu, koperasi diperkenalkan dengan tujuan utama adalah untuk menangani masalah keberhutangan dalam kalangan masyarakat bandar dan kampung pada ketika itu. Penduduk Tanah Melayu terutamanya orang Melayu pada ketika itu sangat bergantung kepada koperasi untuk menyelesaikan masalah kewangan dan hutang mereka. Oleh kerana kebergantungan yang tinggi kepada koperasi, mereka merasakan perlu

Kerajaan memandang serius segala usaha yang dilakukan pelbagai pihak bagi menarik minat belia dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Dari segi pendidikan dan latihan pula, pelbagai institusi pendidikan dan kemahiran yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi membantu golongan belia yang tidak mendapat peluang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

untuk meneruskan dan mengembangkan lagi gerakan ini untuk generasi yang akan datang. Maka dengan itu, koperasi terus berkembang dari semasa ke semasa sehingga ke hari ini. Namun begitu, kebergantungan masyarakat Malaysia kepada koperasi pada hari ini dilihat semakin kurang. Tekanan kos sara hidup dan peningkatan harga barang sepatutnya boleh menjadi faktor kepada kebergantungan yang kuat kepada koperasi. Golongan belia antara yang begitu terkesan dengan perubahan ekonomi semasa, patut mengambil peluang ini menjadikan koperasi sebagai inisiatif lain dalam membantu ekonomi masing-masing. Selain menambah sumber ekonomi, koperasi boleh memainkan peranan dalam membantu kebijakan anggota terutamanya ketika membeli rumah pertama,

kenderaan pertama dan mendirikan rumah tangga. Hal ini boleh mengelakkan golongan muda dari terlibat dengan hutang yang tidak terkawal dari bank atau peminjam wang yang tidak berlesen. Sekurang-kurangnya koperasi dapat membantu golongan ini untuk memulakan kehidupan setelah masuk ke alam pekerjaan nanti.

Kesimpulan

Peranan dan penglibatan belia bukanlah suatu agenda baru dalam gerakan koperasi. Namun sejauh mana kepentingan mereka dalam membantu melestarikan gerakan koperasi bergantung kepada kesungguhan dan usaha yang muh disandarkan ke atas kelebihan yang mereka sedia miliki. Gerakan koperasi perlu menumpukan dan menggembungkan pelbagai usaha untuk menarik minat golongan belia untuk menyertai dan melibatkan diri dalam gerakan koperasi. Hal ini penting supaya koperasi mempunyai pemimpin pelapis yang akan membantu koperasi untuk bergerak lebih jauh seiring dengan perkembangan ekonomi semasa. Turun naik ekonomi dan tekanan kos sara hidup yang tinggi seharusnya menjadi pembakar semangat untuk koperasi bergerak lebih maju ke hadapan. Malah sudah tiba masanya, koperasi bergerak dari fasa zon selesa kepada fasa yang lebih mencabar kini. Untuk mencapai kemajuan yang diciptakan dalam gerakan koperasi, anggotanya lebih-lebih lagi golongan belia perlu bersatu hati serta membina jati diri yang kukuh supaya gerakan koperasi ini dipandang tinggi oleh masyarakat tidak kira peringkat umur, bangsa dan agama.